

Pusat Internet di semua kawasan Parlimen

U.M 21/06/08 M/S 4

KEMENTERIAN Belia dan Sukan (KBS) akan mewujudkan pusat Internet di setiap kawasan Parlimen seluruh negara bagi meningkatkan akses Internet kepada rakyat terutama golongan belia.

Menteri Belia dan Sukan, Datuk Ismail Sabri Yaakob berkata, kementerian akan membekalkan 10 unit komputer yang akan dilengkapi dengan kemudahan Internet di setiap pusat terbabit secara berperingkat-peringkat.

Menurut Ismail Sabri, pada peringkat awal keutamaan akan diberikan kepada kawasan Parlimen yang mempunyai Pusat Rakan Muda atau mana-mana Jabatan Belia dan Sukan negeri yang mempunyai ruang bagi diwujudkan pusat berkenaan.

“Pusat tersebut akan diwujudkan segera di kawasan Parlimen yang sudah ada kemudahan tempat,” katanya selepas mengadakan pertemuan dengan Majlis Belia Negeri Terengganu (MBNT) di

Motel Desa, Kuala Terengganu, Terengganu, baru-baru ini.

Beliau mengakui pada masa ini, sebahagian belia terpaksa mengunjungi kafe siber bagi mendapatkan akses Internet.

Ismail Sabri berharap dengan wujudnya pusat Internet di setiap kawasan Parlimen dapat membendung golongan belia ke arah gejala yang kurang sihat kerana pergaulan yang tidak terkawal.

Dalam perkembangan lain, Ismail Sabri memberitahu, kementerian dengan kerjasama Pendaftar Pertubuhan Belia (ROY) akan menjelajah ke seluruh negara untuk proses mendaftar semua pertubuhan belia selaras dengan kelulusan Akta Pertubuhan Belia dan Pembangunan Belia 2007.

“Ini kerana pada masa ini pendaftaran pertubuhan belia berdasarkan akta baru itu dilihat terlalu perlahan dan langkah sewajarnya perlu bagi memudahkan bantuan kewangan disalurkan,” ujar beliau.



BELIA gemar menggunakan kafe siber untuk mendapatkan maklumat – Gambar hiasan